

PROGRAM FIDLOT NASIONAL

Jabatan Perkhidmatan Veterinar

INDUSTRI PEDAGING NEGARA

Pengeluaran daging lembu dalam negara masih ditahap yang rendah dengan Kadar Sara Diri pengeluaran daging lembu dianggarkan hanya 23% pada tahun 2005. Oleh itu negara masih bergantung kepada sumber bekalan daging dari luar negara. Permintaan daging lembu sentiasa meningkat bagi memenuhi permintaan pasaran tempatan domestik dan keperluan industri pemprosesan daging.

Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA) telah mengadakan Dasar Pengeluaran Daging Lembu Negara sebagai garis panduan dalam meningkatkan pengeluaran daging. Dua objektif utama dasar tersebut adalah untuk meningkatkan populasi ternakan lembu kepada 1.3 juta ekor menjelang tahun 2010 dan meningkatkan pengeluaran daging lembu daripada 18% kepada 28% kadar sara diri (SSL) dengan pengeluaran sebanyak 45,000 tm. daging pada tahun 2010.

Pewujudan dan pengukuhan ladang fidlot komersil adalah salah satu pendekatan yang digariskan dibawah dasar Pedaging Negara. Penglibatan swasta secara besar-besaran dalam penternakan secara fidlot dengan sistem pengeluaran dan pemasaran secara bersepadu dijangka dapat melonjakkan pengeluaran daging. Walau bagaimana pun penglibatan pihak swasta untuk melabur secara besar-besaran tidak mudah berlaku disebabkan oleh cabaran-cabaran seperti berikut;

- Kekurangan tanah serta persaingannya dengan lain-lain aktiviti ekonomi dan pembangunan kawasan penempatan.
- Kos pelaburan modal yang tinggi
- Tempoh matang yang lambat dan pulangan pelaburan yang kecil

Bagi mengatasi halangan-halangan tersebut, adalah dicadangkan pihak kerajaan menyediakan kemudahan supaya kos menjalankan perniagaan (*cost of doing business*) oleh pelabur dapat dikurangkan dan menarik minat mereka untuk berkecimpung dalam bidang ini. Dengan demikian kos pelaburan swasta dapat dikurangkan dan tertumpu kepada Modal Kerja (*working capital*) mengikut saiz operasi masing-masing dengan Kos Modal (*capital cost*) yang minimum.

Dibawah RMK 9 kerajaan telah meluluskan peruntukan RM 80 juta untuk membangunkan Program Fidlot Nasional. Peruntukan ini akan digunakan untuk pembangunan Pusat Fidlot Nasional di Gemas sebanyak RM 40 juta dan selebihnya bagi pembangunan ladang-ladang satelit fidlot di seluruh negara.

PROGRAM FIDLOT NASIONAL


Objektif program adalah untuk:

- Membangunkan Pusat Fidlot Nasional (PFN) di Gemas, Negeri Sembilan untuk dijadikan pusat penternakan lembu fidlot secara komersil dan bersepadu.
- Mewujudkan sistem pengeluaran daging lembu secara perladangan kontrak dengan rangkaian pemasaran produk yang kukuh dan bersepadu di seluruh negara.

- Mewujudkan rantaian bekalan (*supply chain*) dalam industri pengeluaran daging lembu secara bersepadu yang melibatkan aktiviti hulu dan hiliran.

KONSEP PERLAKSANAAN

Program Fidlot Nasional adalah berkonsepkan pembangunan industri secara bersepadu dengan aplikasi integrasi secara vertikal dan horizontal. PFN adalah menjadi ladang utama penternakan lembu fidlot secara besar-besaran terletak di kawasan seluas 5,000 ekar di Gemas, Negeri Sembilan Darul Khusus. PFN diterajui oleh satu syarikat utama (*anchor company*) yang membentuk Perbadanan Fidlot Nasional (PnFN) sebagai integrator penternakan lembu fidlot yang menaungi secara kontrak pengusaha fidlot di Beef Valley dan anggaran tiga ratus sepuluh (310) pengusaha fidlot di ladang-ladang satelit di luar kawasan PFN seluruh Semenanjung Malaysia. Rangkaian pengeluaran, pemasaran dan bekalan input secara bersepadu dilaksanakan adalah seperti rajah berikut:



Rajah 1: Konsep Perlaksanaan PFN

PnFN selaku integrator bertanggung jawab membekalkan input utama seperti bekalan lembu fider, makanan serta khidmat nasihat kepada pengusaha kontrak. Pengusaha kontrak menerusi ikatan perjanjian perlu mematuhi aspek-aspek teknikal yang ditentukan oleh integrator termasuklah bekalan lembu fider, sistem perumahan, sistem pemeliharaan, bekalan dan sistem pemakanan serta pemasaran.

OPERATOR FIDLOT

Operator fidlot terdiri daripada entiti seperti berikut:

- i. Dalam kawasan PFN
 - a. Sebuah (1) Syarikat Integrator (Perbadanan Fidlot Nasional)
 - b. Sebuah syarikat komersil

- c. Pengusaha kontrak - komersil (akan ditentukan kemudian)
- ii. Luar kawasan PFN (Ladang kontrak - satelit)
 - a. 310 pengusaha semi-komersil dan komersil

Syarikat Integrator

Perbadanan Fidlot Nasional ditubuhkan dengan gabungan Agrosience Industries Sdn Bhd sebagai peneraju utama dengan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani serta Menteri Besar Negeri Sembilan Pemerbadanan (MBNS Inc.) sebagai rakan (*counterpart*) yang memegang *golden share* bagi tujuan untuk memastikan perjalanan projek selari dengan agenda pembangunan industri pedaging negara.



Rajah 2: Pembentukan Perbadanan Fidlot Nasinal

PnFN yang bertanggung jawab selaku integrator PFN, perlu menjalankan peranan seperti berikut:

- a. Menjadi `integrator' kepada Syarikat Kontrak Komersil dan ladang satelit (diseluruh Semenanjung Malaysia.)
- b. Mengeluarkan sekurang-kurangnya sebanyak 20,000 ekor lembu fidlot sepusingan atau 60,000 ekor lembu fidlot setahun.
- c. Membekalkan anak lembu fidlot (feeder) yang mencukupi kepada Syarikat Kontrak Komersil dan ladang satelit
- d. Membekalkan makanan untuk lembu fidlot yang mencukupi kepada Syarikat Kontrak Komersil dan ladang satelit.
- e. Membeli semula lembu fidlot yang sesuai untuk dipasarkan daripada Syarikat kontrak komersil dan ladang satelit.
- f. Memasarkan produk-produk yang dihasilkan

Pengusaha Ladang Kontrak

Syarikat atau individu yang yang mengusahakan projek ternakan fidlot di ladang satelit luar PFN perlu mempunyai kriteria asas berikut:

- a. Syarikat atau individu yang mempunyai kawasan tanah sekurang-kurangnya seluas 5 ekar (bagi pengusaha si tanah sendiri)

- b. Sedia untuk beroperasi sepenuh masa di kawasan TKPM jika terpilih untuk menyertai ladang satelit dibawah kawasan TKPM yang disediakan.
- c. Berpengalaman dalam bidang penternakan sekurang-kurangnya lima tahun serta memiliki tahap kesihatan yang memuaskan
- d. Perlu mematuhi semua perjanjian kontrak dari aspek teknikal dengan integrator

KOMPONEN PUSAT FIDLOT NASIONAL (PFN)

Komponen PFN terdiri daripada:

- i. Kawasan penempatan ternakan (kandang dan kemudahan ternakan)
- ii. Kawasan untuk penanaman foder
- iii. Sebuah abatoir kelas A dengan kemudahan pemprosesan daging
- iv. Kilang pengeluaran makanan berasaskan PKC/PKE jika perlu.

ANALISIS KEWANGAN

Analisis Aliran Kewangan Pengeluaran Lembu Fidlot untuk kapasiti 20,000 ekor, 3,000 ekor dan 300 ekor sepusingan adalah untuk menerangkan daya maju kepada Syarikat yang berminat. Walaubagaimanapun maklumat yang dinyatakan adalah berdasarkan kepada andaian-andaian Jabatan dan untuk menjadi panduan sahaja. Syarikat boleh menjalankan kajian sendiri sekiranya berkeupayaan. Analisa kewangan Jabatan adalah seperti berikut:

Ladang Kontrak - Komersil di PFN

Setiap ladang kontrak akan memelihara 3,000 ekor lembu fidlot sepusingan dengan 3 pusingan setahun. Unjuran fizikal pengeluaran dan kewangan telah dibuat untuk jangkamasa 5 tahun. Kesimpulan yang dibuat adalah dengan pelaburan awal (aset tetap) sebanyak RM 6.37 juta projek penternakan lembu fidlot ini adalah berdaya maju dari aspek teknikal dan ekonomi (technically feasible and economically viable), berasaskan perkara-perkara berikut :

Nilai kini bersih (NKB - kadar diskaun 10%)	RM 3,407,247
Kadar pulangan dalaman (KPD)	27.59%
Nisbah faedah kos (NFK)	1.13
Tempoh pulangan modal	Tahun ke 4
Purata kos pengeluaran lembu hidup	RM 5.40 sekg

Ladang Kontrak - Satelit

Diperingkat permulaan sebanyak 40 ladang kontrak diwujudkan dibawah integrator, dengan setiap ladang kontrak akan memelihara 300 ekor lembu fidlot sepusingan dengan 3 pusingan setahun. Unjuran fizikal pengeluaran dan kewangan telah dibuat untuk jangkamasa 5 tahun. Kesimpulan yang dibuat adalah dengan pelaburan awal (aset tetap) sebanyak RM 613,000 projek penternakan lembu fidlot ini adalah berdaya maju dari aspek teknikal dan ekonomi (technically feasible and economically viable), berasaskan perkara-perkara berikut :

Nilai kini bersih (NKB - kadar diskaun 10%)	RM 217,076
Kadar pulangan dalaman (KPD)	21.77%
Nisbah faedah kos (NFK)	1.11
Tempoh pulangan modal	Tahun ke 4
Purata kos pengeluaran lembu hidup	RM 5.51 sekg

KESIMPULAN

Pembangunan Program Fidlots Nasional merupakan projek utama pembangunan industri lembu daging dalam RMK 9. Pembangunan fizikal PFN bermula pada tahun 2007 dan dijangka siap sepenuhnya sebelum pertengahan tahun 2008. Pembangunan ladang-ladang satelit yang bernaung dibawah PFN juga akan dibuat selari dengan pembangunan PFN dan dijangkakan beroperasi sepenuhnya menjelang berakhirnya tahun 2009.

Dengan terlaksananya projek ini adalah dijangkakan pengeluaran pengeluaran daging akan meningkat secara berperingkat-peringkat mulai akhir tahun 2007 dan mencapai 50 ribu tm. setahun menjelang tahun 2009.